

UMSKAL diminta peka keselamatan, kebersihan kampus

DE 18/11/11 6

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada Khamis diminta peka terhadap keselamatan dan kebersihan kawasan kampus dan sekitarnya.

Menurut bekas Ahli Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) kampus berkenaan Mohd Firdaus Bin Muhammad Nor, sisa sampah yang tidak diurus dengan baik menjadi punca seolah-olah kampus berkenaan menerima 'tetamu' undangan khas.

"Saya kira, ini 'tetamu' istimewa yang wajar diberi perhatian khusus oleh pentadbiran universiti," katanya.

Tambahnya lagi, isu kehadiran anjing ke kawasan berkenaan sudah berkurangan malah hampir tiada

sejak beberapa tahun lalu. Namun katanya, kehadiran anjing ini semakin aktif pada sejak beberapa bulan lalu.

"Dulu dah tak nampak anjing di sana. Tapi hari ini, bila kita melawat kawasan berkenaan, banyak pula anjing-anjing itu dibiarkan berke-liaran.

"Ada kemungkinan sampah-sampah yang tidak diselenggara dengan baik menarik perhatian haiwan berkenaan untuk menghampiri kawasan ini. Banyak juga sampah yang dibiarkan berlonggok... ada sesetengahnya sampai bersepah sampahnya," ujarnya.

Beliau, dalam satu kenyataan di sini, berkata isu itu tidak sepatutnya

timbul memandangkan kampus berkenaan adalah bertaraf antarabangsa dan perlu menjadi cerminan kepada pelajar antarabangsa yang menuntut di kampus tersebut.

"Kita sebagai warga KAL sepatutnya rasa malu dengan keadaan sebegini... apatah lagi ramai pelajar datangnya dari luar negara seperti China untuk belajar disini. Jika ini keindahan dan kecantikan yang ditonjolkan, maka bagi saya kita sudah gagal untuk mempamerkan ciri-ciri sebuah Kampus Ceria," jelasnya.

Beliau berharap, agar semua warga dapat mengambil inisiatif dan pendekatan terbaik bagi mengindahkan

kawasan kampus dan sekaligus merealisasikan slogan UMS Kampus Ceria.

Di samping itu, barisan barisan pentadbiran dan penuntut harus mempunyai kesedaran tentang kepentingan kebersihan.

"Kita berbangga dengan pencapaian pelbagai peringkat akademik disini, dan... tiada salahnya untuk kita sama-sama sekaligus berbangga dengan pencapaian keindahan dan keceriaan kampus.

"Pelajar bersemangat untuk belajar, kawasan cantik yang terpelihara, bahagian pentadbiran yang mesra pelajar... ianya akan melahirkan satu budaya toleransi dan kebersamaan yang cukup kuat," katanya.